



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN &
KESIHATAN**
KOD KURSUS : DKM 2142
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

1. Berikut adalah senarai jenis-jenis penghadang yang digunakan di dalam industri
KECUALI :
 - A penghadang tetap
 - B penghadang auto laras
 - C penghadang ulang alik
 - D penghadang *interlocked*

2. Apakah yang dimaksudkan dengan Tali Sawat?
 - A Memotong benda kerja dalam jumlah yang banyak.
 - B Alat yang digunakan untuk memotong logam yang keras.
 - C Bahan jalur yang berputar berterusan menggunakan dua takal atau lebih untuk menggerakkan peralatan mesin.
 - D Mesin ringkas yang terdiri daripada roda yang mempunyai alur yang mengelilingi bulatannya di antara bibir roda.

3. Apakah fungsi penubuhan *Department of Occupational Safety and Health Review Commission*?
 - A Menggalakkan tempat kerja yang selamat dan sihat di Malaysia.
 - B Membantu majikan dan pekerja untuk menguruskan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
 - C Agensi Persekutuan Amerika Syarikat yang bertanggungjawab bagi menjalankan penyelidikan dan membuat cadangan untuk mencegah kecederaan yang berkaitan dengan kerja serta penyakit.
 - D Sebuah agensi persekutuan bebas yang memberikan percubaan pentadbiran dan semakan rayuan serta diwujudkan untuk membuat keputusan pertandingan petikan atau penalti yang terhasil daripada pemeriksaan OSHA tempat kerja di Amerika.

4. Pencemaran bunyi terjadi disebabkan oleh
- A hingar jalan raya.
 - B penyinaran lebihan.
 - C pemusnahan alam fizikal
 - D perubahan suhu akibat kegiatan manusia.
5. Apakah yang dimaksudkan dengan *cranes*?
- A Peralatan untuk mengangkat dan menurunkan barang.
 - B Kenderaan untuk mengangkat peralatan dengan menggunakan gear.
 - C Sistem penghantar untuk pengendalian mekanikal yang bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain.
 - D Sejenis mesin yang dilengkapi dengan pesawat angkat tali, wayar atau rantai dan pencangkuk untuk mengangkat bahan yang lebih berat dan bergerak secara mendatar.
6. Berapakah tahap maksimum bagi pendengaran manusia?
- A 60 dB
 - B 85 dB
 - C 80 dB
 - D 30 dB
7. Apakah fungsi bagi *Fixed Extinguishing*?
- A Sejenis paip air yang dibina ke dalam bangunan bertingkat.
 - B Sistem pemercik api untuk perlindungan kebakaran yang aktif.
 - C Hos tekanan tinggi yang membawa air atau bahan kalis api lain untuk memadamkan api.
 - D Melindungi kawasan-kawasan yang mengandungi peralatan berharga atau kritikal seperti bilik pemrosesan data, suis telekomunikasi dan bilik kawalan proses.

8. Antara berikut yang manakah **BUKAN** alat untuk mengesan kebakaran dan kebocoran gas.
- A Alat Pengesan Suhu
 - B Alat Pengesan Asap
 - C Alat Pengesan Udara
 - D Alat Pengesan Sinaran
9. Pemadam api jenis manakah yang sesuai untuk memadamkan kebakaran yang berpunca daripada kayu, kadbod dan kertas?
- A Jenis A
 - B Jenis B
 - C Jenis C
 - D Jenis D
10. Berikut adalah tindakan yang perlu dilakukan jika rakan anda terkena kejutan elektrik **KECUALI** :
- A Mematikan suis utama.
 - B Tarik mangsa dengan kain basah.
 - C Menelefon bomba dengan kadar segera.
 - D Memberikan bantuan pernafasan kepada mangsa walaupun tidak ada pengalaman.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep 5S di dalam konsep kebersihan di tempat kerja.

(5 markah)

- b. Berikan **empat (4)** contoh aktiviti promosi yang boleh dilakukan oleh pihak JKPP untuk menyebarkan maklumat berkaitan keselamatan dan kesihatan.

(4 markah)

- c. Senaraikan **tiga (3)** kriteria simpanan untuk manfaat pampasan.

(3 markah)

- d. Senaraikan **tiga (3)** tujuan penyimpanan rekod dalam OSHA.

(3 markah)

SOALAN 2

- a. Nyatakan **lima (5)** ciri-ciri yang perlu ada bagi setiap premis atau bangunan untuk menjamin keselamatan apabila berlaku sesuatu kebakaran.

(5 markah)

- b. Terangkan definisi bagi jenis *Ladder* yang berikut:

(i) *Wood Ladder*

(ii) *Metal Ladder*

(5 markah)

- c. Apakah perbezaan di antara *Railing* dan *Stair Away*.

(5 markah)

SOALAN 3

- a. Senaraikan **lima (5)** masalah yang dihadapi semasa menggunakan alat perlindungan pernafasan semasa sedang membuat kerja.

(5 markah)

- b. Kasut Perlindungan atau *Safety Shoes* merupakan salah satu alat perlindungan diri di tempat kerja. Senaraikan **tiga (3)** kriteria di dalam pemilihan kasut perlindungan serta **tiga (3)** kelebihan penggunaannya di kawasan tempat kerja.

(6 markah)

- c. Senaraikan **dua (2)** pertimbangan di dalam membuat pemilihan alat perlindungan keselamatan atau *PPE*.

(4 markah)

SOALAN 4

- a. Senaraikan **empat (4)** jenis kimpalan yang anda tahu.

(4 markah)

- b. Senaraikan **lima (5)** syarat am di dalam pengendalian atau penyimpanan bekas silinder yang mengandungi gas *welding*.

(5 markah)

- c. Apakah yang dimaksudkan dengan alat perlindungan badan yang berikut. Terangkan secara ringkas.

(i) *Confined Space*

(ii) *Lifelines*

(6 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1**Kes Penyiasatan Kebakaran**

GUA MUSANG - Masyarakat di negeri ini masih kurang kesedaran terhadap bahaya kebakaran yang mungkin boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

Penolong Penguasa Bomba Cawangan Penyiasatan Kebakaran Zon 2, Kelantan, Joharudin Hashim berkata, majoriti masyarakat mengamalkan sikap ambil mudah akan sesuatu perkara.

"Ada banyak faktor kecuaiian yang boleh membawa kepada kebakaran. Antaranya merokok di tempat kerja terutamanya di kilang yang ada bahan mudah terbakar.

"Orang kampung khususnya golongan wanita pula lupa menutup api di dapur gas selepas memasak.

"Ada juga yang menggunakan terlalu banyak sambungan wayar elektrik dan wayar yang melebihi tempoh 20 tahun," katanya selepas menyiasat dua kes kebakaran yang berlaku di Kuala Krai dan Gua Musang, baru-baru ini.

Tambah Joharudin, ada juga dalam kalangan masyarakat yang hanya mengambil jalan mudah dengan membaiki sendiri sambungan wayar elektrik sekiranya berlaku kerosakan.

"Sekiranya tiada kemahiran, elakkan membaiki sendiri atau menyuruh jiran untuk melakukannya kerana ia mengundang bahaya.

"Lebih elok sekiranya mendapatkan orang yang memiliki lesen kompeten dengan elektrik berkenaan," katanya.

Berkenaan kes kebakaran rumah di Kampung Limau Kasturi, baru-baru ini, Joharudin berkata, kediaman terbabit baharu sahaja dibina selepas kediaman asal musnah dilanda banjir dua tahun lalu.

"Keseluruhan rumah berkenaan dibina dengan struktur kayu. Selepas siasatan, kita mendapati kebakaran terbabit berpunca dari api dapur yang tidak dimatikan dan dipasang terlalu lama.

"Kebakaran berlaku lebih cepat kerana binaan kayu lebih cepat merebak.

"Kerugian yang dianggarkan kira-kira RM20,000," katanya.

- a. Darpada maklumat di atas, senaraikan **lima (5)** kesalahan dan **lima (5)** langkah untuk mengatasi masalah tersebut mengikut Akta OSHA dan Undang-Undang Negara.

(10 markah)

- b. Kecederaan dan kemalangan di tempat kerja akan menyebabkan kerugian wang ringgit dan peningkatan kos sesebuah organisasi. Beri dan terangkan **satu (1)** contoh situasi kemalangan di tempat kerja dan perkaitan dengan kos-kos yang terlibat.

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

